



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah **terbuka** kepada syarikat yang **eP Enabled** dengan alamat pendaftaran di kawasan **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya** serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Tempoh **pendaftaran syarikat** hendaklah masih sah sekurang-kurangnya untuk tempoh **tiga (3) bulan** selepas tarikh tutup sebut harga serta mempunyai **kemampuan kewangan** yang mencukupi dan **berpengalaman** bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN
KWP (SH) 24/2014/BKK (FORUM PERDANA 2014)	SEBUT HARGA PERKHIDMATAN LOGISTIK, TEKNIKAL DAN PERSIAPAN TEMPAT BAGI PROGRAM FORUM PERDANA EHWAL ISLAM	221305

2. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai sebut harga ini mestilah **ePerolehan enabled**. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi/dimuat turun mulai **07 OGOS 2014 (KHAMIS)** secara percuma melalui laman web www.eperolehan.com.my.
3. **Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan** yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan dan dokumen-dokumen berkaitan **dimuat-naik (upload)** ke Sistem ePerolehan **SEBELUM ATAU PADA JAM 12.00 TENGAH HARI PADA 14 OGOS 2014 (KHAMIS)** iaitu pada tarikh tutup Sebut Harga.
4. **Tawaran Teknikal dan Tawaran Kewangan** yang lengkap juga hendaklah **dihantar secara manual** dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri/bermetri dengan nombor sebut harga dan nombor cadangan ePerolehan (Y015102020014XXXX) ditulis di penjuru atas kiri **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari 14 Ogos 2014 (Khamis)** iaitu tarikh tutup sebut harga dan **dimasukkan ke dalam peti sebut harga** di alamat berikut:-

KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN,
ARAS 3, BLOK 2,
MENARA SERI WILAYAH,
PRESINT 2,
62100 PUTRAJAYA.
(U.P.: BAHAGIAN KEWANGAN)

5. Tawaran sebut harga yang **LEWAT DIKEMUKAKAN** melalui Sistem ePerolehan serta secara Manual tidak akan dipertimbangkan.

Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI ALAMAT : <http://www.kwp.gov.my> DAN www.eperolehan.com.my